

## RESEARCH ARTICLE

## KEBERKESANAN MODUL LIQA (LATIHAN INTENSIF HAFAZAN AL-QURAN) DARI ASPEK TAHAP REKA BENTUK: SATU TINJAUAN

### (The Effectiveness of the LIQA Module (Intensive Training of Quran Memorization) in Terms of Design Level: A Survey)

Mohd Hasdi bin Mohamed, Rashidi bin Abbas

Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, 26600 Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - The LIQA module is an aid in the field of Tahfiz Al-Quran. It also serves as a workbook and training material for those who want to memorize the Quran. LIQA is an acronym for 'Latihan Intensif Hafazan Al-Quran'. The LIQA module was introduced through seminars, camps and workshops held throughout Malaysia. It was attended by various levels of society involving pre-school, primary, secondary, teenagers, adults and the elderly. In addition, for mosques and suraus, LIQA Module memorization workshops are also organized by educational agencies such as KAFA (Al-Quran & Fardhu Ain Class), associations and institutions of higher learning. In terms of use, the LIQA Module is widely used, especially in the state of Pahang, which involves KAFA classes, religious secondary schools and institutions and organizations that conduct the Al-Quran tahfiz curriculum. This study aims to review how effective the LIQA Module is in terms of design level. The study was conducted by distributing questionnaires to 30 students at Al-Maarif Religious Secondary School and Abdul Rahman Talib National Secondary School, Kuantan. The results of the study were obtained by using the 'Statistical Package for Social Science' (SPSS) which is a computerized data processing software. The findings of the study show that the effectiveness of the LIQA Module in terms of the design level is at a high score level, with the overall mean range of the items being between 3.67–5.00. At the end of the study, the researcher put forward some suggestions for improvements related to the design of the LIQA Module in order to be more satisfactory and meet the current needs in the field of Tahfiz Al-Quran.

**ABSTRAK** - Modul LIQA merupakan bahan bantu dalam bidang tafsir Al-Quran. Ia juga berfungsi sebagai buku kerja dan bahan latihan bagi yang ingin menghafaz Al-Quran. LIQA adalah akronim kepada Latihan Intensif Hafazan Al-Quran. Modul LIQA diperkenalkan melalui seminar, kem dan bengkel hafazan yang diadakan di seluruh Malaysia. Ianya disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat yang melibatkan murid pra-sekolah, sekolah rendah, menengah, remaja, dewasa dan golongan berusia. Selain masjid-masjid dan surau-surau, bengkel hafazan Modul LIQA dianjurkan juga oleh agensi-agensi pendidikan seperti KAFA (Kelas Al-Quran & Fardhu Ain), persatuan-persatuan dan institusi-institusi pengajian tinggi. Dari segi penggunaan pula, Modul LIQA digunakan secara meluas khususnya di negeri Pahang yang melibatkan, kelas-kelas KAFA, sekolah-sekolah menengah agama dan institusi serta organisasi yang mengadakan kurikulum tafsir Al-Quran. Kajian ini bertujuan meninjau sejauhmanakah keberkesanannya Modul LIQA dari segi tahap rekabentuk. Kajian dijalankan dengan mengedarkan soalselidik kepada 30 orang pelajar di Sekolah Menengah Agama Al-Maarif dan Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Kuantan. Keputusan kajian yang diperolehi dengan menggunakan 'Statistical Package for Social Science' (SPSS) iaitu satu perisian memproses data yang digunakan secara berkomputer. Dapatkan kajian menunjukkan keberkesanannya Modul LIQA dari segi tahap rekabentuk berada pada tahap skor yang tinggi, dengan keseluruhan julat min item adalah antara 3.67–5.00. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan berkaitan rekabentuk Modul LIQA agar lebih memuaskan dan memenuhi keperluan semasa dalam bidang tafsir Al-Quran.

## PENDAHULUAN

Allah berfirman dalam surah al-Hijr (15:9) yang bermaksud "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang benar-benar memeliharanya." Ayat al-Quran ini merujuk kepada jaminan Allah SWT yang menunjukkan bahawa al-Quran terus terpelihara daripada hilang, cacat dan binasa. Pemeliharaan dalam ayat di atas juga merujuk kepada

\*CORRESPONDING AUTHOR | Mohd Hasdi Bin Mohamed | [muqrik77@yahoo.com](mailto:muqrik77@yahoo.com)

© 2024 The Author(s). Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 International license

perekodan al-Quran secara bertulis mahupun dilakukan melalui hafazan secara lisan (Azman, Wan Ainun Sailah, Azarudin, Wan Noor Hazlina, 2021)

*Hifz* dari segi bahasa Arab bermaksud memelihara dan menjaga. Justeru, orang yang menghafaz al-Quran ialah orang yang memelihara al- Quran daripada hilang. Seseorang yang menghafaz al-Quran, menyimpannya di dalam dada, dan selalu membacanya supaya tidak hilang (Sinar Harian, 2012). Selain itu, menurut Ibrahim Abdul Munim (2011), perkataan *al- Qira'ah* sebagaimana yang terdapat dalam sumber-sumber hadith merujuk kepada membaca mushaf al-Quran<sup>1</sup> atau membaca tanpa melihat mushaf, atau kedua-duanya.

Penghafazan dilihat daripada perspektif neurosains melibatkan proses pembelajaran, proses penyimpanan ingatan, proses pembentukan ingatan, proses pengeluaran kembali ingatan (*recall*) dan sebagai bukti kemampuan kognitif luar biasa yang berpusat di otak manusia. Ingatan jangka pendek (*Short term memory*) mempunyai kapasiti terhad, masa singkat dan dalam keadaan separuh sedar. Manakala ingatan jangka panjang (*long term memory*) pula mempunyai kapasiti yang tidak terhad, penyimpanan kekal dan maklumat akan teraktif apabila dirangsang (Muhaidi, 2010).

Justeru itu, dalam kaedah hafazan al-Quran, teori yang dijelaskan di atas dapat dicapai dengan kaedah-kaedah yang tersusun dan dipraktikkan secara berterusan. Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran) adalah merupakan salah satu contoh kaedah hafazan al-Quran. Kaedah ulangan yang di dalam Modul LIQA bertujuan untuk memperolehi ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang. Kaedah ini pula banyak disyorkan oleh pakar-pakar tahliz dalam pelbagai aliran.

## PERNYATAAN MASALAH

Pengkaji memilih tajuk tentang rekabentuk modul untuk dianalisis adalah kerana rekabentuk merupakan suatu elemen dan daya tarikan bagi sesuatu perkara. Modul LIQA adalah modul berkaitan hafazan dan ianya merupakan modul atau bahan bantu yang sukar didapati malah tidak banyak dikeluarkan. Justeru perbincangan berkaitan rekabentuk akan memberikan nilai tambah ke arah keberkesanannya Modul LIQA. Tumpuan perbincangan rekabentuk melibatkan aspek saiz, ketebalan, grafik, kertas, tulisan, warna dan simbol.

## METODOLOGI KAJIAN

### *Reka Bentuk Kajian*

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Kerlinger (1970) dan McMillan dan Schumacher (1997) menyatakan reka bentuk kajian merujuk kepada cara penyelidikan mengendalikan kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca yang boleh mengganggu dapatan kajian. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang bertujuan untuk meneroka dan meninjau keberkesanannya Modul LIQA dari aspek reka bentuk dalam kalangan responden kajian. Hal ini demikian, kerana kajian ini dapat memberi kemudahan kepada penyelidik dalam memperolehi gambaran keadaan sebenar yang berlaku di dalam kalangan responden yang dikaji.

### *Populasi dan Persampelan*

Mohd Yusof Ahmad (2005) menyatakan populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Populasi juga merupakan objek atau peristiwi yang dikaji. Populasi sangat penting sehingga kita harus mengetahui dengan tepat dan jelas. Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003) menyatakan bahawa jika jumlah populasinya adalah kecil, penyelidik boleh menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel dan penyelidikan tersebut adalah sebuah kajian kes. Menurut Mohd Majid Konting (1993), persampelan merupakan strategi penyelidikan, iaitu penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sampel merangkumi ahli-ahli daripada kumpulan kecil yang dipilih secara rawak daripada populasi untuk mengkaji sifat atau parameter populasi.

Oleh itu, pengkaji telah memilih pelajar dari 2 buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Agama Al-Maarif, Kuantan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Kuantan. Hanya pelajar yang terlibat dengan program hafazan sahaja diambil sebagai sampel kajian. Persampelan yang telah dipilih adalah seramai 30 orang pelajar tingkatan tiga dari sebuah sekolah. Jumlah responden adalah seramai 60 orang. Hal ini demikian kerana, maklumat populasi kajian penting untuk menentukan teknik persampelan yang sesuai dan membina kerangka sampel serta menentukan bilangan sampel yang perlu diambil untuk mewakili sesuatu populasi.

### *Instrumen Kajian*

Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh pengkaji ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Bagi memperoleh maklumat daripada responen, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada pelajar tingkatan tiga seramai 60 orang pelajar. 30 orang dari Sekolah Menengah Agama Al-Maarif, Kuantan manakala 30 orang lagi dari Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Kuantan.

Soal selidik kajian ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian A mengandungi maklumat demografi dan bahagian B mengandungi maklumat berkaitan rekabentuk Modul LIQA. Justeru itu, pengkaji telah memilih skala likert yang berbentuk skala lima mata, iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), tidak pasti (3), setuju (4) dan sangat setuju (5).

## PERBINCANGAN

### *Pengenalan Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran)*

Mohd Hasdi (2019) menyatakan Modul LIQA (rujuk Rajah 1) merupakan akronim kepada Latihan Intensif Hafazan Al-Quran. Ianya merupakan cetusan idea Mohd Hasdi bin Mohamed Al-Hafiz.



Rajah 1. Muka hadapan dan belakang modul LIQA

Modul LIQA tercetus dari pengalaman Ustaz Mohd Hasdi ketika menjalankan tugas sebagai Penyelaras program hafazan Al-Quran di Sekolah Menengah Agama Al-Maarif, Felda Bukit Goh, Kuantan Pahang bermula tahun 2006. Program ini dikenali sebagai Program Tahfiz Bestari yang diasaskan oleh Pengetua ketika itu iaitu Tn. Hj. Abu Talib Bin Abdullah, PPN. Hasrat Tuan Pengetua adalah untuk memberi ruang kepada murid menghafaz ayat Al-Quran mengikut kemampuan sebagai sokongan kepada kurikulum sedia ada sekolah.

Setelah lima tahun Program Tahfiz Bestari ini dijalankan, perkembangan dan sambutannya amat menggalakkan. Ini dapat dilihat sewaktu permohonan kemasukan ke Tingkatan Satu di SMA Al-Maarif dibuka, hampir 1000 permohonan diterima dan tempat ditawarkan adalah hanya untuk 80 orang sahaja.

Faktor utama ibubapa memilih SMA Al-Maarif adalah kerana inginkan anak mereka menghafaz Al-Quran melalui program hafazan yang diadakan. Selain itu juga, kurikulum SMA Al-Maarif juga berada di tahap yang cemerlang dengan pencapaian yang membanggakan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). SMA Al-Maarif berada dalam kedudukan 10 teratas di negeri Pahang dan dalam kalangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat kebangsaan. Adalah tidak dinafikan kecemerlangan yang dicapai adalah keberkatan Al-Quran (Mohd Hasdi, 2019).

Sehubungan itu, melihat kepada perkembangan ini, Ustaz Mohd Hasdi mengambil inisiatif untuk melakukan transformasi dalam proses pembelajaran dan pengajaran al-Quran. Ianya merupakan satu teknik pengajian al-Quran yang disusun bagi membantu murid khususnya dalam menguasai hafazan al-Quran dengan pendekatan yang menarik, mudah, bersistematis dan serta dapat dikuasai dalam tempoh yang singkat. Keberkesanan Modul LIQA telah terbukti dengan peningkatan hafazan murid dan sasaran hafazan sebanyak 15 juzuk ke atas selama 5 tahun (dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5) dapat dicapai. Peringkat permulaan, murid dapat menghafaz 3 juzuk dalam tempoh 5 tahun. Setelah Modul LIQA diperkenalkan di SMA Al-Maarif tahun 2012, secara berperingkat pencapaian hafazan pelajar meningkat kepada 5 juzuk, 10 juzuk, dan 15 juzuk ke atas selama 5 tahun. Malahan ada dalam kalangan murid yang melepassi sasaran yang ditetapkan dengan berjaya menghafaz sebanyak 23 juzuk dalam tempoh 3 tahun iaitu semasa di tingkatan 3.

Memandangkan Modul LIQA berkesan dalam membantu dan meningkatkan hafazan, maka SMA Al-Maarif menjadi penanda aras kepada lain-lain sekolah dan agensi yang mengadakan program hafazan Al-Quran. Justeru, SMA Al-Maarif dilihat sebagai "SUMUR" yang menjadi sumber dan panduan dalam mengadakan program hafazan Al-Quran dan sering dikunjungi pelbagai pihak antaranya:

- 1) Jabatan Pendidikan FELDA.
- 2) SMKA Tg. Ampuan Hajjah Afzhan, Jerantut Pahang (TAHAP)
- 3) SM Sains Pekan
- 4) Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
- 5) Maahad Tahfiz Al-Istiqlama, Janda Baik Bentong Pahang

Pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan kurikulum hafzan di sekolah iaitu Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Selain itu juga, Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri (SAN) mula memberi perhatian terhadap kurikulum hafzan Al-Quran. Selari dengan perkembangan ini, Ustaz Mohd Hasdi memperkenalkan Modul LIQA melalui program berbentuk seminar dan bengkel bertujuan membantu dan memudahkan hafzan pelajar bagi mencapai sasaran sukan yang ditetapkan.

Bengkel dan seminar hafzan yang diadakan mendapat sambutan yang menggalakkan, bukan sahaja di negeri Pahang malah di seluruh negara. Ianya bukan sahaja disertai oleh murid sekolah bahkan mendapat sambutan orang awam yang dianjurkan oleh masjid, institusi serta organisasi tertentu. Antara yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1) Seluruh Sekolah Agama Negeri (SAN) di Pahang
- 2) Sekolah Agama Negeri (SAN) di Johor, Terengganu, Sabah dan sebagainya.
- 3) Sekolah Rendah Islam Al-Hafiz, Kota Kinabalu Sabah.
- 4) Persatuan Pengajian Al-Quran dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain, Masjid Negeri Pahang
- 5) Masjid-masjid dan surau-surau di negeri Pahang
- 6) Institut Kemahiran MARA (Sabah)
- 7) Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Malaysia
- 8) Institut Perdagangan Munshi, Kuantan Pahang
- 9) Akademi Tahfiz Suluh Budiman, Tanjung Malim Perak.
- 10) Politeknik Tun Syed Nasir, Pagoh Johor.


Peringkat seterusnya merupakan pengiktirafan kepada Modul LIQA yang diperkenalkan oleh Mohd Hasdi bin Mohamed Al-Hafiz. Pada Disember 2017 Telaga Biru Sdn. Bhd bersetuju untuk mencetak Modul LIQA secara keseluruhan (Juzuk 1-30). Percetakan Modul LIQA dijadualkan bermula pada Mac 2018 dan dijangka siap pada Disember 2018 dengan penjenamaan semula yang dikenali sebagai Kaedah Hadafi namun terpaksa dibatalkan.

Pembatalan ini adalah berikutan masalah kewangan yang dihadapi pihak Telaga Biru Sdn. Bhd. Namun demikian, pada Januari 2019, Modul LIQA mendapat tawaran percetakan dari Penerbit Dinasti melalui Pengarah Urusannya, En. Mohd Bukhori Bin Abdullah. Penerbit ini merupakan percetakan yang menerbitkan Al-Quran bagi institusi raja di Malaysia. Mengikut perancangan penerbit, Modul LIQA yang bakal diterbitkan merangkumi 30 buah buku (1 juzuk 1 buku) dan dinamakan Modul Tahfiz Yang Di Pertuan Agong.

#### ***Rekabentuk Modul LIQA (Latihan Intensif Hafzan Al-Quran)***

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), rekabentuk bermaksud rancangan (corak, bentuk, dsb) yg menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu (binaan dsb); pengetahuannya tentang penerbangan dibuktikan oleh ~ kapal terbangnya yg pertama; mereka bentuk membuat reka bentuk (gambaran, lukisan, dll); perek bentuk orang yg mereka bentuk. Kajian Modul LIQA dari aspek rekabentuk menumpukan kepada 7 perkara iaitu saiz, ketebalan, grafik, kertas, tulisan, warna dan simbol.

#### ***Saiz***



Rajah 2. Lakaran rumusan saiz

Jadual 1. Ukuran saiz dalam percetakan

Size	SIRI A mm × mm	SIRI B mm × mm	SIRI C mm × mm
0	841 × 1,189	1,000 × 1,414	917 × 1,297
1	594 × 841	707 × 1,000	648 × 917
2	420 × 594	500 × 707	458 × 648
3	297 × 420	353 × 500	324 × 458
4	210 × 297	250 × 353	229 × 324
5	148 × 210	176 × 250	162 × 229
6	105 × 148	125 × 176	114 × 162
7	74 × 105	88 × 125	81 × 114
8	52 × 74	62 × 88	57 × 81
9	37 × 52	44 × 62	40 × 57
10	26 × 37	31 × 44	28 × 40

### Ketebalan


Ketebalan Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran) adalah antara 90 hingga 100 mukasurat bagi satu siri atau sebuah modul. Terdapat 33 siri kesemuanya seperti diuraikan dalam Jadual 2:

Jadual 2. Ketebalan modul LIQA

Siri	Judul	Siri	Judul	Siri	Judul
1	Juzuk 1	12	Juzuk 12	23	Juzuk 23
2	Juzuk 2	13	Juzuk 13	24	Juzuk 24
3	Juzuk 3	14	Juzuk 14	25	Juzuk 25
4	Juzuk 4	15	Juzuk 15	26	Juzuk 26
5	Juzuk 5	16	Juzuk 16	27	Juzuk 27
6	Juzuk 6	17	Juzuk 17	28	Juzuk 28
7	Juzuk 7	18	Juzuk 18	29	Juzuk 29
8	Juzuk 8	19	Juzuk 19	30	Juzuk 30
9	Juzuk 9	20	Juzuk 20	Keluaran Khas	Surah-surah Pilihan
10	Juzuk 10	21	Juzuk 21	Keluaran Khas	Surah SMA & STAM
11	Juzuk 11	22	Juzuk 22	Keluaran Khas	Surah SMAN JAIP

### Grafik

Grafik Modul LIQA ditunjukkan pada Rajah 3. Tiga komponen utama modul ini adalah halaman hadapan, isi kandungan dan halaman belakang. Halaman hadapan memaparkan siri modul, judul dan logo pengeluar dan logo program tahliz iaitu PINTAR (Program Intensif Tahfiz Bestari). Isi kandungan pula memuatkan potongan ayat yang perlu dihafaz berserta ruangan untuk hafazan dan ulangan. Manakala bahagian halaman belakang memuatkan profile penyusun, kelebihan modul, harga serta maklumat untuk dihubungi seperti nombor telefon dan emel. Kesimpulannya, dari sudut grafik Modul LIQA, ianya adalah ringkas tetapi padat dengan maklumat. Bahagian isi kandungan tidak terdapat banyak corak supaya pengguna fokus untuk menghafaz dengan menggunakan ruangan latihan hafazan yang disediakan.



Rajah 3. Grafik modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran)

## Kertas

Kepelbagaiannya jenis dan kegunaan kertas digambarkan dalam Jadual 3. Bagi Modul LIQA kertas yang digunakan adalah jenis HVS. Ini bersesuaian dengan kegunaannya sebagai percetakan dan fotostat.

Jadual 3. Kepelbagaiannya jenis kertas dalam percetakan

Bil	Jenis Kertas	Ciri	Kegunaan
1.	HVS	Permukaan yang kasar, berwarna putih, dan memiliki ketebalan 80gsm hingga 100gsm.	Percetakan, fotostat
2.	NCR	Sama seperti HVS, tetapi terdapat dalam berbagai macam warna.	Nota, resit
3.	Art Paper	Permukaan yang halus dan licin.	<i>Flyer, katalog, voucher</i>
4.	Art Carton	Sama seperti art paper, tetapi jenis memiliki bentuk yang lebih tebal	Sampul buku, pamphlet, katalog
5.	Ivory	Sama seperti mirip dengan art paper dan carton, bezanya warna biasanya tidak seputih dan secerah kertas art paper atau art carton	Poster
6.	Glossy	Berwarna putih mengilap.	Mencetak gambar, sticker gambar
7.	Buffalo	Sama seperti corak kayu dan permukaannya cukup kasar.	Sampul jilid buku, peta
8.	Duplex	Tebal dan selamat.	Membungkus makanan, kuih-muih, ubat-ubatan
9.	Asturo	Tekstur tebal dan mempunyai warna berzeda di kedua sisinya, dan biasanya satu sisinya berwarna putih.	Penjilidan
10.	Kertas Concorde	Tekstur yang bergelombang serta akan memberikan kesan profesional dan berkelas pada hasil cetakan.	Sijil, piagam, dan <i>letter head</i>

## Tulisan

Terdapat puluhan ribu jenis pilihan tulisan (font). Kepentingan jenis tulisan ini adalah mempengaruhi dan menarik minat pembaca. Oleh yang demikian, kesesuaian jenis tulisan adalah penting dalam penulisan sesuatu bahan atau pembentangan sesuatu program. Dalam Modul LIQA antara jenis tulisan yang digunakan adalah *Arial* dan *Times New Roman* saiz 12 pada halaman dalam. Manakala halaman hadapan dan belakang menggunakan jenis tulisan *Calibri*. dengan saiz 18 atau 20. Bagi jenis tulis jawi atau arab, penyusun mengambil sepenuhnya dari *Mushaf Al-Quran* dengan meletakkannya sebagai *picture* atau gambar. Kepelbagaiannya tulisan dan penggunaannya adalah seperti ditunjukkan pada Jadual 4.

Jadual 4. Kepelbagaiannya jenis tulisan atau *font*

Bil	Jenis Tulisan	Kegunaan
1.	<i>Times New Roman</i>	Teks buku, akhbar, bahan ilmiah
2.	<i>Adobe Garamond Pro</i>	Novel, cerpen
3.	<i>Arial</i>	Teks ilmiah atau formal
4.	<i>Calibri</i>	Novel
5.	<i>Baskerville</i>	Novel, puisi
6.	<i>Myriad Pro</i>	Jurnal, buku hasil kajian
7.	<i>Palatyno</i>	Novel
8.	<i>Chunk Five</i>	Halaman hadapan buku
9.	<i>Trajan Pro</i>	Novel
10.	<i>Roboto</i>	Teks isi, halaman sampul

## Warna

Merujuk Rajah 3, grafik Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran), hanya halaman hadapan dan belakang sahaja mempunyai warna iaitu kuning dan hitam. Manakala halaman dalam Modul LIQA tidak mempunyai sebarang warna melainkan warna hitam dan putih sahaja.

## Simbol

Rajah 4 menunjukkan simbol yang terdapat dalam Modul LQA. Hanya 2 simbol ini sahaja yang kerap diguna dan diulang dalam Modul LIQA. Gambar di atas adalah simbol mata terbuka yang bermaksud, pembaca hendaklah membaca dan mengulang potongan ayat diberi sambil melihat ayat berkenaan. Manakala gambar di bawah adalah simbol mata terhalang

yang bermaksud, pembaca hendaklah membaca dan mengulang potongan ayat diberi tanpa melihat ayat berkenaan. Semasa inilah proses hafazan berlaku.



Rajah 4. Simbol di dalam Modul LIQA

## KESIMPULAN

Hasil kajian sebelum Kaedah LIQA dijalankan mendapati kesemua lapan item tersebut mempunyai skor yang sederhana, dengan julat min item adalah berada di antara ( $\text{min} = 2.87$  hingga  $\text{min} = 3.33$ ). Secara keseluruhan menunjukkan skor reka bentuk modul sebelum Kaedah LIQA dijalankan dalam kalangan murid kumpulan rawatan Tingkatan 3 di 2 buah sekolah menengah di daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap yang sederhana dengan nilai ( $\text{min} = 3.24$ ,  $\text{SP} = 0.519$ ). Manakala hasil kajian selepas Kaedah LIQA dijalankan mendapati kesemua lapan item tersebut mempunyai skor yang tinggi, dengan julat min item adalah berada di antara ( $\text{min} = 4.17$  hingga  $\text{min} = 4.63$ ). Secara keseluruhan menunjukkan skor reka bentuk modul selepas Kaedah LIQA dijalankan dalam kalangan murid Tingkatan 3 di 2 buah sekolah menengah di daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai ( $\text{min} = 4.40$ ,  $\text{SP} = 0.316$ ).

Jadual 5. Keberkesanan Modul LIQA dari aspek tahap reka bentuk

Bil	Pernyataan	Ujian Sebelum (Pra)		Ujian Selepas (Pos)	
		Min	SP	Min	SP
1.	Modul LIQA bersaiz A4 adalah bersesuaian	3.30	.651	4.43	.504
2.	Ketebalan Modul LIQA (90-100 muka surat) bersesuaian	3.23	.679	4.17	.531
3.	Grafik yang dipersembahkan pada Modul LIQA menarik	3.27	.785	4.30	.651
4.	Kertas yang digunakan untuk mencetak Modul LIQA berkualiti	3.33	.606	4.60	.498
5.	Tulisan yang digunakan dalam Modul LIQA adalah bersesuaian	3.33	.661	4.50	.630
6.	Penggunaan warna pada Modul LIQA adalah memadai	2.87	.819	4.20	.664
7.	Simbol yang ada dalam Modul LIQA mudah difahami	3.33	.758	4.63	.490
Keseluruhan		3.24	.519	4.40	.316

\* (Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Analisis ujian pos menunjukkan, item “Simbol yang ada dalam Modul LIQA mudah difahami” mendapat nilai min tertinggi iaitu 4.63, diikuti dengan item “Kertas yang digunakan untuk mencetak Modul LIQA adalah berkualiti” dengan  $\text{min} = 4.60$ . Item ketiga tertinggi iaitu “Tulisan yang digunakan dalam Modul LIQA adalah bersesuaian” dengan nilai  $\text{min} = 4.50$ . Seterusnya item “Modul LIQA bersaiz A4 adalah bersesuaian” dengan nilai  $\text{min} = 4.43$ , item ke-3 “Grafik yang dipersembahkan pada Modul LIQA adalah menarik” dengan nilai  $\text{min} = 4.30$ , item “Penggunaan warna pada Modul LIQA adalah memadai” dengan nilai  $\text{min} = 4.20$ . Akhir sekali nilai min item terendah iaitu “Ketebalan Modul LIQA (antara 90-100 muka surat) bagi satu siri adalah bersesuaian” dengan nilai  $\text{min} = 4.17$ .

Modul LIQA dari Aspek Rekabentuk menunjukkan keberkesanan yang tinggi terutamanya pada simbol yang diperkenalkan. Seperti ditampilkan Modul LIQA, hanya satu simbol memadai bagi keseluruhan modul. Hal ini demikian untuk mengelakkan pembaca sukar dan terkeliru dengan peggunaan simbol yang terlalui banyak. Ketebalan juga memainkan peranan. Justeru bagi modul LIQA, ianya merupakan perkara kedua akhir yang menjadi perhatian responen. Kebanyakan responden menyatakan ketebalan yang sesuai adalah antara 50 hingga 60 mukasurat sahaja.

Perkara akhir yang perlu diberi perhatian adalah warna. Walaupun dapatan menunjukkan skala berada pada tahap tinggi, namun isu warna ini menduduki dua tangga terakhir. Pengkaji menyedari keperluan ini dan akan memperbaiki Modul LIQA dari masa ke semasa. Kesimpulannya dari kajian yang dijalankan, adalah didapati rekabentuk Modul LIQA berada pada tahap yang amat memuaskan selain memerlukan sedikit penambahbaikan. Justeru penggunaannya adalah sesuai untuk pelbagai usia dan profesion kerjaya.

## PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Prof. Madya Dr. Rashidi bin Abbas, selaku rakan pengkaji bagi menyiapkan kajian ini. Kajian ini dilakukan tanpa sebarang sokongan kewangan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis dan rakan pengkaji tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Azman C.M., Wan Ainun Sailah W.A., Azarudin A., Wan Noor Hazlina W.J. (2021). Tahap amalan kaedah hafazan Al-Quran dalam kalangan pelajar Program Al-Quran Imtiaz. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 3(1), 57-72.
- Ahmad, M.Y. (2005). Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Malaysia.
- Ghafar, M.N.A. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Kamus Bahasa Melayu. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Capaian: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=reka+bentuk>
- Kenali 2 saiz kertas yang utama dalam dunia pencetakan (2020, November, 19). Capaian: <https://www.khalifah-copier.com/saiz-kertas-untuk-pencetakan/>
- Kerlinger, F.N. (1970). Foundations of behavioral research: Educational and psychological inquiry. London: Holt. Reinhart and Winston.
- Konting, M.M. (1993). Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan (Edisi ke-4). Fakulti Pengajian Pendidikan. Serdang: Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- McMillan dan Schumacher. (1997). Research in education: A conceptual introduction. New York: Logman.
- Mohamed, M.H. (2019). *Pelaksanaan Program Bimbingan Tahfiz Bestari (PINTAR) Sebagai Medium Tuisyen Tahfiz Separuh Masa di Negeri Pahang*. Disertasi (M. Usuluddin), Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mustaffa, M. (2010). Hafazan Al-Quran dan hubungan dengan kecemerlangan pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007. Masters Thesis, University of Malaya, Malaysia.
- Thovids, M. (2014). Slide Design Mastery: How to design world class slide presentation. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, Indonesia.